

SIKAP DAN MOTIVASI MURID SEKOLAH RENDAH TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM TALIAN SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

(Attitude and Motivation Primary School Student toward Malay Language Online Learning During Movement Control Order)

IRMA MAHAD

Sekolah Kebangsaan Batu Berendam
Kementerian Pendidikan Malaysia
p106607@siswa.ukm.edu.my

UGARTINI MAGESVARAN

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
p103831@siswa.ukm.edu.my

INTAN NUR SYUHADA HAMZAH

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
p101189@siswa.ukm.edu.my

Dihantar pada:

20 Disember 2020

Diterima pada:

30 Mac 2021

Koresponden:

p106607@siswa.ukm.edu.my

Abstrak: Pandemik Covid-19 yang melanda dunia kini telah merubah situasi semasa, terutamanya sektor pendidikan. Pembelajaran secara fizikal terpaksa bertukar kepada pembelajaran secara dalam talian disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) secara dalam talian telah menggantikan pembelajaran secara bersemuka. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian sepanjang tempoh PKP. Seramai 110 orang murid Tahun 5 di sebuah sekolah kebangsaan di Batu Berendam, Melaka telah dipilih sebagai responden menggunakan kaedah persampelan rawak bertujuan. Kajian menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 20 item dan terbahagi kepada dua konstruk, iaitu sikap dan motivasi. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan untuk menganalisis data soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid sekolah rendah mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian semasa tempoh PKP. Hasil dapatan juga mendapati faktor jantina dan sosioekonomi keluarga tidak mempengaruhi sikap dan motivasi murid-murid untuk belajar mata pelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian.

Kata kunci: Covid-19, pembelajaran dalam talian, sikap murid, motivasi murid

Abstract: The Covid-19 pandemic that has hit the world has now changed the current situation, especially the education sector. Physical learning had to switch to online learning due to the Movement Control Order (MCO). Online home teaching and learning (PdPR) has replaced face-to-face learning. Thus, this study was conducted to identify the attitudes and motivation of primary school students learning Malay Language online during the MCO. A total of 110 Year 5 students in a national school in Batu Berendam, Melaka were selected as respondents using purposive random sampling method. The study used a questionnaire instrument that contained 20 items and was divided into two constructs, namely attitude and motivation. Descriptive and inferential statistics were used to analyze the questionnaire data. The findings indicate that primary school students have a positive attitude and high motivation for learning Malay Language online during MCO. Other findings include gender and socio-economic factors do not influence the attitudes and motivation of students to learn Malay Language online learning.

Keywords: Covid-19, online learning, student attitude, student motivation

PENGENALAN

Pandemik Covid -19 yang melanda negara telah memberi impak besar kepada pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan samaada peringkat rendah, menengah mahupun peringkat pengajian tinggi. Peningkatan kes Covid-19 telah memaksa semua sekolah di seluruh negara ditutup berikutan pihak kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 16 Mac 2020.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan surat siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Penularan Jangkitan Covid -19 bertarikh 27 Mac 2020 bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas (Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah KPM 2020). Bagi memastikan pembelajaran murid-murid tidak terjejas sepanjang tempoh PKP ini, guru-guru telah diarahkan untuk melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr), sama ada secara dalam talian ataupun luar talian mengikut kesesuaian guru dan murid.

Musibah yang melanda negara sedikit sebanyak telah memberi impak terhadap penggunaan pembelajaran atas talian. Penularan Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah memperlihatkan kepentingan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian dalam norma baharu. Selain itu, pelaksanaan PdPr secara dalam talian merupakan pengalaman baharu dalam proses pembelajaran murid, khususnya di sekolah rendah. Hal ini demikian, proses PdP yang dijalankan secara dalam talian mampu menarik minat murid dan membantu dalam memahami sesuatu isi pelajaran dengan cepat dan mudah.

Perkembangan yang positif ini juga dapat dilihat apabila ramai guru mampu menyediakan bahan pembelajaran digital mereka sendiri untuk digunakan oleh murid dan dikongsi oleh guru lain melalui saluran seperti *Youtube*, *Telegram* dan *Facebook*. Berbanding dengan murid, peralatan mudah alih dan Internet bukan sesuatu yang baharu malah mereka sudah terdedah dengan pelbagai aplikasi dalam talian yang lebih interaktif.

Tidak sukar untuk mereka menggunakan pelantar pembelajaran dalam talian dan ini merupakan satu cabaran kepada guru dalam

memastikan murid-murid sentiasa bersemangat melaksanakan pembelajaran dalam talian. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

PEMBELAJARAN DALAM TALIAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Penutupan semua institusi pendidikan dari peringkat tinggi sehingga ke peringkat sekolah disebabkan oleh pandemik Covid-19 telah memberi impak yang besar dalam kalangan guru dan murid. Mahu tidak mahu, rakyat perlu mematuhi arahan kerajaan demi keselamatan guru dan murid, sebaliknya memanfaatkan pembelajaran jarak jauh. KPM telah mengarahkan langkah alternatif, iaitu daripada kaedah PdP secara bersemuka kepada PdP secara dalam talian sepenuhnya sepanjang tempoh PKP.

Shazarina et al. (2020), berpendapat bahawa perubahan ini telah membawa kebimbangan dalam kalangan murid mahupun guru juga turut berhadapan dengan keresahan yang tersendiri. Hal ini kerana, walaupun guru bersemangat dalam menyediakan bahan-bahan PdP, namun jika tidak mempunyai penyertaan dan kesediaan daripada pelajar maka objektif sesi PdP tidak dapat dicapai dengan sempurna (Muniroh et al. 2020). Pernyataan ini sokong oleh Siti Balqis dan Muniroh (2020) yang menyatakan bahawa terdapat segilintir murid tidak memberi kerjasama dan masih belum bersedia dengan PdP dalam talian.

Muniroh et al. (2020) menyatakan kesediaan pelajar telah melibatkan suasana PdP yang jelas berlainan semasa pandemik Covid-19 berbanding sebelum ini kerana hampir keseluruhan kaedah PdP perlu dilakukan secara atas talian. Beliau berpendapat bahawa murid-murid memerlukan motivasi yang tinggi daripada keluarga dan persekitarannya kerana mereka berada dalam dalam lingkungan pemerhatian ibu bapa secara keseluruhannya. Mohd Fairuz et al. (2020), murid boleh dipengaruhi dengan aspek psikologi dari segi emosi, tekanan dan sikap. Hal ini disebabkan kerana halangan yang dilalui oleh murid semasa mereka bersedia dengan keinginan yang tinggi, tetapi situasi menjadi penghalangnya. Dengan ini,

seseorang murid akan kekurangan motivasi untuk meneruskan pembelajaran.

Menurut Mohd Fairuz et al. (2020), murid tidak dapat menyesuaikan diri dengan norma baharu malah lebih mengutamakan pembelajaran secara bersemuka. Pembelajaran dalam talian sepanjang hari tanpa aktiviti luaran telah memberi kebosanan bagi mereka untuk memberi fokus terhadap pembelajaran dalam talian. Bagi mengelakkan situasi begini, KPM telah pun meminta guru-guru untuk mempelbagaikan bahan bantu mengajar yang digunakan serta corak pengajaran yang sesuai yang boleh menarik minat dan memotivasikan murid untuk pembelajarannya. Siti Balqis dan Muniroh (2020) menyatakan bahawa PdP yang tidak menarik boleh menyebabkan murid-murid bersikap negatif terhadap pembelajaran dalam talian.

Brilliannur Dwi et al. (2020) telah menyatakan bahawa pembelajaran secara dalam talian dalam kalangan murid adalah kurang berkesan disebabkan oleh faktor sosioekonomi murid. Murid mempunyai kekangan dari segi persediaan sarana dan prasarana untuk mengikuti pembelajaran dalam talian. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian Rohaida et al. (2020) di mana murid daripada kumpulan B40 mengalami kekangan untuk mengikuti pembelajaran secara maya, kerana kemungkinan tidak mempunyai sebarang alat telekomunikasi. Buja et al. (2020) pula menyatakan bahawa faktor sosioekonomi telah memberi kesan kepada pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19 disebabkan oleh pendapatan ibu bapa terjejas menyebabkan mereka lebih memberi tumpuan terhadap keperluan asas hidup berbanding penyediaan kelengkapan pembelajaran anak-anaknya.

Pandemik Covid-19 telah menjejaskan sektor pekerjaan sekali dengan sektor lain. Keadaan ini telah menyebabkan beberapa sektor perindustrian mengambil keputusan untuk pemberhentian pekerja secara terpaksa bagi membendung kerugiannya. Isu pembuangan pekerja telah mempengaruhi keluarga masing-masing dalam menyara kehidupan. Hal ini secara langsung telah membawa kesukaran dalam kalangan murid untuk mengikuti pembelajaran dalam talian di mana ibu bapa lebih mengutamakan keperluan asas hidup berbanding pendidikan anak-anak mereka

Secara keseluruhannya, pandemik Covid-19 telah mempengaruhi bidang pendidikan dalam

melaksanakan PdP secara dalam talian disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan. Wujudnya PKP telah mengubah keseluruhan kehidupan seharian masyarakat. Mahu tidak mahu rakyat mesti menyesuaikan diri dengan norma baharu ini. Kesemua rakyat perlu mempersiapkan awal dirinya untuk membendung masalah yang dihadapi. Menurut Anuar (2020) berpendapat bahawa sebelum penularan wabak ini, pembelajaran atas talian hanya menjadi satu pilihan, tetapi kini ia menjadi suatu keperluan dan kewajipan yang tidak dapat dielakkan

PENYATAAN MASALAH

Kajian ini difokuskan kepada sikap dan motivasi murid sekolah rendah dalam pembelajaran dalam talian sepanjang tempoh PKP semasa pandemik Covid-19. Kini pandemik Covid-19 telah pun membawa norma baharu dimana segala kerja dijalankan secara atas talian khususnya, bidang pendidikan amat mengutamakan PdP secara dalam talian kerana semakin hari semakin meningkatnya kes Covid-19. Demi mencegah penyebaran wabak Covid-19 semua guru, murid dan warga sekolah terpaksa beradaptasi dengan sistem pendidikan dalam talian sebagai norma baharu kerana tidak mempunyai cara selain daripada penggunaan teknologi. Menurut Suzlina Hilwani dan Jamaludin (2015), teknologi maklumat berfungsi sebagai nadi penggerak dalam mewujudkan perubahan positif yang boleh mempelbagaikan kaedah PdPc oleh guru.

Sikap yang negatif wujud terhadap pembelajaran dalam talian adalah kerana murid-murid masih tidak dapat menyesuaikan diri dengan norma baharu di mana mereka lebih mengutamakan PdP secara bersemuka (Mohd Radzi, 2020). Proses PdP menjadi kurang berkesan kerana murid kurang melibatkan diri dalam pembelajaran dalam talian. Oleh itu, guru-guru perlu menggunakan strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai dengan menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) yang dapat menarik minat dan memotivasikan murid terhadap pembelajaran kerana PdP yang tidak menarik juga boleh menyebabkan murid-murid bersikap tidak suka akan pembelajaran dalam talian. Teknologi kini telah pun menyediakan pelbagai platform aplikasi untuk mempelbagaikan BBM, kaedah PdP dan sebagainya. Misalnya, penggunaan aplikasi

Google Classroom dengan mengintegrasikan dengan aplikasi-aplikasi yang lain mampu memberi PdPc yang berkesan. Kini, guru-guru juga boleh mewujudkan komunikasi dua hala melalui teknologi yang ada menggunakan aplikasi *Google Meet*, *Zoom*, dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, guru-guru perlu bersedia dengan pelbagai idea untuk melaksanakan PdPc secara dalam talian.

Kekurangan motivasi dalam kalangan murid untuk meneruskan pembelajaran dalam talian kerana kurangnya motivasi daripada ibu bapa. Ibu bapa tidak mengambil berat tentang pendidikan anak-anak, malah lebih mengutamakan pekerjaan mereka sepanjang tempoh PKP (Zamri & Anita 2020). Kurangnya sokongan dan dorongan daripada ibu bapa menyebabkan tiada motivasi yang cukup untuk meneruskan pembelajaran atas talian. Ibu bapa perlu bertanggungjawab atas pendidikan anak-anak dengan menyediakan keperluan untuk pembelajaran dalam talian serta sentiasa memotivasikan anak-anaknya untuk belajar kerana kini anak-anak berada lingkungan pemantauan ibu bapa. Kejutan secara tiba-tiba telah menyebabkan masyarakat lebih mengutamakan ekonomi keluarga berbanding pendidikan anak-anak. Masyarakat harus beradaptasi dengan pandemik Covid-19 ini supaya anak-anak tidak ketinggalan pendidikan disebabkan oleh kecuaiannya.

Mohd Fairuz et al. (2020) dalam kajian mengenai kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19, mendapati bahawa faktor sosioekonomi mengganggu kesediaan murid dalam mengikuti pembelajaran secara maya. Beliau juga berpendapat bahawa latar belakang murid yang berpendapatan tinggi lebih bersedia dengan PdP secara atas talian berbanding dengan murid daripada keluarga kurang pendapatan isi rumah. Pernyataan ini sejajar dengan dapatan Buja et al. (2020), yang mendapati bahawa faktor sosioekonomi telah memberi kesan kepada pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19 disebabkan oleh pendapatan ibu bapa terjejas yang menyebabkan mereka lebih memberi tumpuan terhadap keperluan asas hidup berbanding penyediaan kelengkapan pembelajaran anak-anak mereka.

Menurut Rohaida et al. (2020), murid dari kumpulan B40 di mana pendapatan isi rumah kurang daripada RM3860.00 yang di bawah

pendapatan garis kemiskinan mengalami kekangan untuk mengikuti pembelajaran secara maya, kerana kemungkinan tidak mempunyai sebarang alat telekomunikasi untuk meneruskan pembelajaran kerana pendapatan ibu bapa lebih kepada untuk menyara isi keluarga. Pernyataan ini sejajar dengan kajian oleh Zarina et al. (2018) yang menyatakan bahawa kebanyakan ibu bapa dari golongan B40 mengutamakan aspek ekonomi berbanding pendidikan anak. Kumpulan isi rumah B40 dan M40 adalah paling terjejas dalam cabaran bekerja dan pembelajaran secara maya kerana murid-murid daripada golongan kurang kemampuan begini berdepan dengan masalah membeli alat telekomunikasi dan pakej Internet yang harganya masih mahal untuk meneruskan PdP dalam talian (Faris Danial 2020).

Mohd Fairuz et al. (2020) juga menyatakan bahawa murid mengalami masalah dari segi akses Internet. Talian Internet yang lemah, masalah alat telekomunikasi dan sebagainya membantutkan proses pembelajaran mereka terutamanya murid dari pedalaman. Capaian Internet yang lemah menyebabkan mereka tidak dapat akses beberapa aplikasi yang memerlukan capaian Internet tinggi. Situasi begini kurang bermotivasikan mereka, dimana walaupun mereka lebih bersedia mengikuti pembelajaran dalam talian, tetapi beberapa masalah berikut menjadi penghalang kepada mereka. Losius et al. (2020) yang mengkaji cabaran pelaksanaan PdP jarak jauh semasa PKP mendapati sebilangan murid tidak mengikuti pembelajaran dalam talian disebabkan oleh masalah-masalah yang dihadapinya, terutamanya capaian Internet yang lemah dan faktor sosioekonomi keluarga yang rata-rata datang daripada keluarga berpendapatan rendah atau B40.

Secara keseluruhan, ibu bapa serta pihak-pihak tertentu harus mengambil berat tentang latar belakang serta kesediaan murid dalam mengikuti PdP secara dalam talian supaya langkah yang proaktif dapat diambil dalam menyelesaikan masalah berkenaan. Guru memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan PdP dalam talian secara kesan dengan mempelbagai kaedah, gaya, corak pengajaran supaya murid-murid lebih berminat dan melibatkan diri secara aktif sepanjang pelaksanaan PdP dalam talian semasa PKP dilaksanakan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berasaskan empat objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.
2. Mengenal pasti perbezaan tahap sikap dan motivasi yang signifikan antara faktor sosioekonomi keluarga murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.
3. Mengenal pasti perbezaan tahap sikap dan motivasi yang signifikan antara jantina murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian dibina bagi menjawab objektif kajian ketiga, iaitu:

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan tahap sikap dan motivasi yang signifikan antara jantina murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian sepanjang tempoh PKP.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian. Reka bentuk kajian adalah kajian kualitatif berbentuk kajian tinjauan. Lokasi kajian dilakukan adalah di sekitar daerah Batu Berendam, Melaka. Daerah ini dipilih kerana mempunyai pelbagai ciri yang boleh memenuhi objektif kajian. Kajian ini memberi fokus kepada murid sekolah rendah, manakala aspek-aspek yang dikaji adalah untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap sikap dan motivasi murid terhadap pembelajaran dalam talian dengan jantina dan latar belakang sosioekonomi keluarga.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini ialah murid-murid Tahun 5 di sebuah sekolah rendah di Batu Berendam, Melaka. Terdapat 128 orang murid Tahun 5 di sekolah

rendah lokasi kajian ini. Pemilihan populasi adalah menggunakan kaedah persampelan rawak bertujuan berdasarkan kepada senarai populasi yang dipilih. Daripada 128 orang murid tersebut, seramai 110 murid Tahun 5 dipilih untuk menjawab soal selidik. Kesemua murid ini mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian dalam tempoh PKP.

Instrumen Kajian

Berdasarkan kajian ini, instrumen soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Menurut Chua Yan Piaw (2014), instrumen soal selidik adalah amat bersesuaian dengan kajian tinjauan kerana kaedah ini berupaya menghasilkan item-item yang boleh dipercayai dan konsisten jika disediakan dengan baik. Dalam kajian, soal selidik digunakan. Soal selidik diubah suai daripada kajian Shazarina et al. (2020). Soal selidik menggunakan dua skala, iaitu Ya dan Tidak. Menurut dalam Chua Yan Piaw (2014), skala 'Ya' dan 'Tidak' memerlukan jawapan yang tegas terhadap pilihan yang diberikan. Jawapan 'Ya' diberikan skor 1, manakala jawapan 'Tidak' diberikan skor 0. Skala ini 'Ya' dan 'Tidak' juga digunakan dalam kajian Mohd Faizal Nizam dan Leow Tze Wei (2017).

Soal selidik mengandungi dua bahagian. Bahagian A: Demografi responden yang merangkumi maklumat seperti nama sekolah, kelas, jantina, pekerjaan bapa, pekerjaan ibu dan jumlah pendapatan isi rumah. Bahagian B: Konstruk sikap murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu semasa tempoh PKP dan Konstruk motivasi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu semasa tempoh PKP.

Analisis Kajian

Dua jenis statistik yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini ialah statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah seperti demografi responden dan sebagainya. Menurut Chua Yan Piaw (2014), statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan ataupun membuat ringkasan pada maklumat atau data yang diperoleh.

Statistik inferensi diaplikasikan untuk menghuraikan hubungan antara pemboleh ubah.

Ujian yang digunakan ialah ujian-t untuk melihat perbezaan antara faktor jantina dan latar belakang sosioekonomi keluarga. Analisis item bagi instrumen soal selidik menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Jadual 4.1 membincangkan latar belakang responden kajian. Responden yang dipilih secara rawak telah dianalisis berdasarkan jantina dan pendapatan keluarga mengikut pengelasan isi rumah. Seramai 110 orang murid merupakan murid tahun 5 yang berbangsa Melayu dijadikan sebagai responden kajian. Murid lelaki diwakili seramai 57 orang murid atau 51.8 peratus (%), manakala murid perempuan pula diwakili seramai 53 orang murid atau 48.2% daripada jumlah responden kajian.

Kategori pendapatan keluarga telah dibahagikan mengikut pengelasan isi rumah iaitu dari segi golongan B40, golongan M40 dan golongan T20. Seramai 71 orang murid iaitu 64.5% telah mewakili daripada golongan B40, diikuti seramai 25 orang murid (22.7%) merupakan golongan M40 dan selebihnya, iaitu 14 orang murid (12.7%) adalah daripada golongan T20.

JADUAL 2: Demografi responden kajian

Kategori	Pernyataan	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	57	51.8
	Perempuan	53	48.2
Pendapatan keluarga	B40	21	64.5
	M40	25	22.7
	T20	14	12.7

Tahap Sikap Murid Sekolah Rendah terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sepanjang Tempoh PKP Dilaksanakan

Jadual 2 membincangkan dapatan objektif kajian pertama, iaitu mengenal pasti sikap dan motivasi murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Data dianalisis secara deskriptif.

Sebanyak 98.2% daripada sampel kajian menunjukkan sikap positif dan memilih pernyataan 'Ya' bagi item '*Saya suka corak pengajaran guru*

menggunakan BBM berbantuan teknologi'. Selain itu, 97.3% daripada sampel kajian bersetuju bahawa mereka berminat dengan kaedah pengajaran guru yang dilaksanakan secara maya. Seterusnya, 90.9% daripada sampel kajian bersetuju dengan item '*Saya sentiasa bersedia untuk pembelajaran bahasa Melayu secara atas talian*'. Selain itu, 98.2% menyatakan bahawa mereka rajin menghadiri kelas bahasa Melayu secara dalam talian yang dijalankan sepanjang tempoh PKP.

JADUAL 2: Sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian semasa tempoh PKP

Item Soalan Sikap Murid	Jumlah Bilangan Ya	Jumlah Bilangan Tidak
1. Saya suka corak pengajaran guru menggunakan BBM berbantuan teknologi	108 (98.2%)	2 (1.8%)
2. Saya berminat dengan kaedah pengajaran guru yang dilaksanakan secara maya	107 (97.3%)	3 (2.7%)
3. Saya sentiasa bersedia untuk pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian	100 (90.9%)	10 (9.1%)
4. Saya rajin menghadiri kelas bahasa Melayu secara dalam talian yang dijalankan sepanjang tempoh PKP	108 (98.2%)	2 (1.8%)
5. Saya mudah memahami isi pelajaran semasa pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian	97 (88.2%)	13 (11.8%)
6. Saya lebih aktif semasa berlangsung PdP dalam talian	80 (72.7%)	30 (27.3%)
7. Saya suka persekitaran pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian	91 (82.7%)	19 (17.3%)
8. Saya tidak merasa bosan dengan pelaksanaan PdPr berbantuan komputer sepanjang tempoh PKP	61 (55.5%)	49 (44.5%)
9. Saya suka mencari maklumat mengenai mata pelajaran bahasa Melayu secara dalam talian.	65 (59.1%)	45 (40.9%)
10. Saya rajin menyiapkan semua latihan yang diberi oleh guru sepanjang tempoh PKP	106 (96.4%)	4 (3.6%)

Di samping itu, 88.2% daripada sampel kajian juga memilih pernyataan 'Ya' bagi item '*Saya mudah memahami isi pelajaran semasa pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian*'. Antara kekangan menjalankan pembelajaran secara dalam talian adalah disebabkan kemudahan akses Internet yang terhad dan murid terpaksa berkongsi gajet bersama ahli keluarga yang lain dan menyebabkan mereka tidak dapat menyertai kelas dalam talian yang dijalankan oleh guru. Hal ini dapat dilihat melalui dapatan

bagi item '*Saya lebih aktif semasa berlangsung PdPr secara dalam talian*' menunjukkan tahap sederhana, iaitu sebanyak 55.5% daripada sampel kajian memilih pernyataan 'Ya'. Bagi item '*Saya suka mencari maklumat mengenai mata pelajaran bahasa Melayu secara dalam talian*' juga berada pada tahap yang sederhana yang mana 59.1% murid bersetuju dengan item tersebut.

Menurut Bani Hidayat (2020) antara kekangan dalam pendidikan dalam talian seperti masalah capaian Internet, ketiadaan peranti digital pintar serta sikap murid sendiri. Seterusnya, murid-murid dilihat sangat positif dengan 96.4% memilih pernyataan 'Ya' bagi item '*Saya rajin menyiapkan semua latihan yang diberi oleh guru sepanjang tempoh PKP*'.

Sebagai rumusan, PKP telah memberikan kesan positif kepada sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian. Murid-murid Tahun 5 berasa seronok, aktif dan tidak berasa bosan belajar secara dalam talian. Oleh kerana pembelajaran dalam talian sesuatu yang baharu, maka murid-murid Tahun 5 ini berasa teruja untuk mengikuti sesi PdP yang baharu bagi mereka. Secara tidak langsung, minat mereka meningkat untuk mengikuti sesi PdP secara dalam talian.

Tahap Motivasi Murid Sekolah Rendah terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sepanjang Tempoh PKP Dilaksanakan

Jadual 3 membincangkan objektif kajian pertama, untuk mengenal pasti motivasi murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Sebanyak 97.3 % sampel kajian bersetuju dengan item '*Saya seronok belajar bahasa Melayu secara dalam talian*'. Bagi item '*Saya menerima dorongan positif untuk belajar bahasa Melayu secara dalam talian*' sebanyak 98.2% sampel kajian memilih pernyataan 'Ya'. Seterusnya, sebanyak 94.5% sampel kajian bersetuju dengan item '*Saya sentiasa bersemangat apabila kelas bahasa Melayu dimulakan*'. Sebanyak 93.6% sampel kajian memilih pernyataan 'Ya' bagi item '*Saya segera membuat latihan bahasa Melayu yang diberikan oleh guru*'.

Motivasi yang tinggi kekal dicatatkan apabila sebanyak 80.9% sampel kajian bersetuju dengan item '*Saya lebih memahami pengajaran bahasa Melayu apabila diajar secara dalam talian*'. Data

juga menunjukkan murid-murid sangat bermotivasi untuk menjadi murid yang pandai dalam bahasa Melayu apabila keseluruhan sampel kajian bersamaan dengan 100% memilih 'Ya'.

Bagi item '*Saya bermotivasi belajar bahasa Melayu walaupun tiada alat peranti yang sesuai*' menunjukkan dapatan sebanyak 76.4% sampel kajian bersetuju. Dapatan ini dilihat sedikit rendah berbanding dapatan item-item lain kerana murid-murid berasa sedikit terkesan disebabkan kebanyakan bahan pelajaran dibincangkan secara dalam talian dan kemudahan gajet yang bersesuaian boleh mempengaruhi motivasi murid.

JADUAL 3: Motivasi murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian semasa tempoh PKP

Item Soalan Motivasi Murid	Jumlah Bilangan Ya	Jumlah Bilangan Tidak
1. Saya seronok belajar bahasa Melayu secara dalam talian.	107 (97.3%)	3 (2.7%)
2. Saya menerima dorongan positif untuk belajar bahasa Melayu secara dalam talian.	108 (98.2%)	2 (1.8%)
3. Saya sentiasa bersemangat apabila kelas bahasa Melayu dimulakan.	104 (94.5%)	6 (5.5%)
4. Saya segera membuat latihan bahasa Melayu yang diberikan guru.	103 (93.6%)	7 (6.4%)
5. Saya lebih memahami pengajaran bahasa Melayu apabila diajar secara dalam talian.	89 (80.9%)	21 (19.1%)
6. Saya mahu menjadi murid yang pandai dalam bahasa Melayu.	110 (100.0%)	-
7. Saya bermotivasi belajar bahasa Melayu walaupun tiada alat peranti yang sesuai.	84 (76.4%)	26 (23.6%)
8. Saya belajar bahasa Melayu lebih lama berbanding mata pelajaran lain.	102 (92.7%)	8 (7.3%)
9. Saya yakin mendapat markah yang cemerlang walaupun menghadapi masalah capaian internet.	63 (57.3%)	47 (42.7%)
10. Saya lebih fokus belajar bahasa Melayu secara atas talian.	93 (84.5%)	17 (15.5%)

Seterusnya, murid-murid dilihat memilih pernyataan 'Ya' sebanyak 92.7% bagi item '*Saya belajar bahasa Melayu lebih lama berbanding mata pelajaran lain*' berbanding dengan item '*Saya yakin akan mendapat markah yang cemerlang walaupun menghadapi masalah capaian Internet*' sebanyak 57.3% iaitu pada tahap yang sederhana.

Kekangan capaian Internet boleh memberi kesan negatif kepada motivasi murid untuk belajar kerana masalah Internet menyebabkan mereka sering ketinggalan dalam kelas yang dijalankan dan boleh mempengaruhi keyakinan mereka dalam

menguasai isi pelajaran. Namun begitu, motivasi murid berada pada tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 84.5% pada item ‘*Saya lebih fokus belajar bahasa Melayu secara dalam talian.*’

Sebagai rumusan, PdP dalam talian semasa PKP ini merupakan suatu yang baharu bagi murid Tahun 5 dalam pembelajaran bahasa Melayu. Justeru, murid-murid berasa teruja untuk mengikuti sesi PdP ini. Motivasi murid meningkatkan. Cuma kekangan Internet sahaja yang menyebabkan fokus murid belajar dalam talian sedikit terganggu.

Perbezaan Sikap dengan Faktor Sosioekonomi Keluarga Murid terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sepanjang Tempoh PKP Dilaksanakan


Bahagian ini menjawab objektif kajian yang kedua, iaitu untuk mengenal pasti perbezaan sikap dengan faktor sosioekonomi keluarga murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu sepanjang tempoh PKP dilaksanakan

Hasil analisis data dalam Jadual 4 dan Carta 1 menunjukkan bahawa jumlah seramai 71 orang murid dari golongan B40, 85.4% murid bersikap positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian. Hanya 14.6% murid bersikap negatif dengan menjawab ‘Tidak’ terhadap beberapa item yang telah dikemukakan. Daripada jumlah seramai 25 orang murid dari golongan M40, 80.8% orang murid bersikap positif diikuti hanya 19.2% murid bersikap negatif. Daripada 14 orang murid daripada golongan T20 pula, 82.1% bersikap positif, manakala yang selebihnya bersikap negatif iaitu seramai 16.1% murid.

Secara keseluruhannya, majoriti murid bersikap positif terhadap item-item yang telah dikemukakan yang berkaitan dengan pembelajaran dalam talian. Faktor sosioekonomi keluarga tidak mempengaruhi sikap murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Sikap murid-murid daripada keluarga B40, M40 dan T40 terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sama sahaja.

JADUAL 4: Perbezaan sikap murid mengikut faktor sosioekonomi keluarga

Sikap	B40	M40	T20	Jumlah
Negatif	14.6%	19.2%	17.9%	16.1%
Positif	85.4%	80.8%	82.1%	83.9%
Jumlah Murid	71	25	14	110



CARTA 2: Perbezaan sikap mengikut faktor sosioekonomi keluarga murid

Perbezaan Motivasi dengan Faktor Sosioekonomi Keluarga Murid terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sepanjang Tempoh PKP Dilaksanakan

Bahagian ini menjawab objektif kajian yang kedua, iaitu untuk mengenal pasti perbezaan motivasi dengan faktor sosioekonomi keluarga murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu sepanjang tempoh PKP dilaksanakan


Dapatan Jadual 5 dan Carta 2 menunjukkan bahawa perbezaan tahap motivasi yang signifikan antara faktor sosioekonomi keluarga mengikut pengelasan isi rumah murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah seramai 71 orang murid daripada golongan B40, 88.0% murid mempunyai tahap motivasi yang tinggi ketika mengikuti pembelajaran bahasa Melayu dalam talian, manakala selebihnya (12.0%) murid mempunyai tahap motivasi yang rendah dengan menjawab ‘Tidak’ terhadap beberapa item yang telah dikemukakan. Daripada jumlah seramai 25 orang

murid dari golongan M40, 84.4% orang murid bermotivasi tinggi diikuti hanya 15.6% murid mempunyai motivasi yang rendah. Bagi murid daripada golongan T20 pula, 91.4% bermotivasi tinggi, manakala yang selebihnya bermotivasi rendah (8.6%) semasa mempelajari bahasa Melayu dalam talian.

Kesimpulannya, tahap motivasi murid sekolah rendah tidak dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi keluarga sama ada murid tersebut datang daripada keluarga B40, M40 mahupun T20. Semua murid mempunyai tahap motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

JADUAL 5: Perbezaan tahap motivasi murid mengikut faktor sosioekonomi keluarga

Motivasi	B40	M40	T20	Jumlah
Tinggi	88%	84.4%	91.4%	87.6%
Rendah	12%	15.6%	8.6%	12.4%
Jumlah Murid	71	25	14	110



CARTA 2: Perbezaan tahap motivasi murid mengikut faktor sosioekonomi keluarga

Perbezaan Sikap dengan Jantina Murid terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Tempoh PKP Dilaksanakan

Bahagian ini untuk menjawab objektif kajian yang ketiga, iaitu untuk melihat perbezaan sikap yang signifikan antara jantina murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang tempoh PKP. Dua kategori digunakan

untuk mengukur sikap, iaitu berbentuk positif dan negatif.

Analisis data Jadual mendapati murid lelaki dan perempuan mempunyai sikap yang positif untuk mempelajari bahasa Melayu secara dalam talian sepanjang tempoh PKP. Secara peratusan, seramai 81.8% orang murid lelaki dan 86% pelajar perempuan menjawab 'Ya' bagi setiap konstruk soalan yang dikemukakan.

Walau bagaimanapun, sikap positif murid perempuan mendahului pelajar lelaki dengan perbezaan yang tidak begitu ketara. Selebihnya, seramai 18.2% murid lelaki dan 14% murid perempuan menunjukkan sikap negatif terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian.

JADUAL 6: Perbezaan sikap murid mengikut jantina terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian

Sikap	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Negatif	18.2%	14%	16.1%
Positif	81.8%	86%	83.9%
Jumlah Murid	57	53	110

Sebagai rumusan, faktor jantina tidak mempengaruhi sikap murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Sikap murid lelaki mahupun perempuan sama sahaja, iaitu bersikap positif walaupun peratusannya menunjukkan sedikit perbezaan antara murid lelaki dan perempuan.

Perbezaan Motivasi dengan Jantina Murid terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Tempoh PKP Dilaksanakan

Bahagian ini untuk menjawab objektif kajian yang ketiga, iaitu untuk melihat perbezaan motivasi yang signifikan dengan jantina murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang tempoh PKP. Dua kategori digunakan untuk mengukur motivasi, iaitu berbentuk positif dan negatif.

Jadual 7 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap motivasi yang signifikan terhadap tahap motivasi murid mengikut jantina terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian. Seramai 95.8% murid lelaki dan 88.9% pelajar

perempuan menunjukkan tahap motivasi yang tinggi ketika mengikuti pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian. Bilangan murid lelaki menunjukkan peningkatan pada tahap motivasi berbanding murid perempuan dengan perbezaan yang tidak ketara. Sejumlah hanya 4.2% murid lelaki dan 11.1% murid perempuan mempunyai tahap motivasi yang rendah semasa mengikuti pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian.

JADUAL 7: Perbezaan motivasi murid mengikut jantina terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian

Motivasi	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Negatif	4.2 %	11.1%	7.6%
Positif	95.8%	88.9%	92.4%
Jumlah Murid	57	53	110

Sebagai rumusan, motivasi murid sekolah rendah tidak dipengaruhi oleh faktor jantina. Walaupun terdapat perbezaan peratusan, tetapi perbezaan tersebut adalah kecil. Kedua-dua jantina murid menunjukkan tahap motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Kesemua murid tanpa mengira jantina dan latar belakang sosioekonomi keluarga bermotivasi untuk belajar bahasa Melayu dalam talian.

PERBINCANGAN

Sikap dan Motivasi Murid Tahun 5 terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid Tahun 5 mempunyai sikap dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Tahap persetujuan 'Ya' lebih tinggi berbanding Tidak ketika belajar bahasa Melayu dalam talian. Murid-murid berasa gembira, seronok dan tidak bosan belajar bahasa Melayu dalam talian. Walaupun ada kekangan dari segi capaian jalur lebar, tetapi ia tidak mengganggu tumpuan murid untuk belajar bahasa Melayu dalam talian.

Dapatan kajian ini menyamai kajian yang dilakukan oleh Bani Hidayat (2020), Muniroh et al. (2020) dan Briliannur Dwi et al. (2020) yang mendapati murid-murid berasa berpuas hati dan

seronok belajar secara dalam talian menggunakan aplikasi whatsapp sepanjang PKP dilaksanakan. Penggunaan aplikasi *whatsapp*, *telegram* dan *google meets* membantu murid mempelajari tajuk yang diajarkan oleh guru.

Begitu juga dengan kajian Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) serta Aida Shuhaida dan Rohizani (2020) yang mendapati bahawa pengajaran guru secara dalam talian sepanjang tempoh PKP telah menarik minat dan motivasi murid untuk mengikuti sesi PdP. Guru mendapati murid berasa seronok dan tidak berasa bosan apabila belajar menggunakan pelbagai aplikasi digital dalam talian seperti *whatsapp*, *telegram*, *google classroom*, *google meets* dan lain-lain. Murid-murid juga didapati terlibat aktif dalam setiap sesi PdP dalam talian. Kepelbagaian kaedah pengajaran guru menggunakan pelbagai aplikasi digital secara dalam talian tersebut telah menarik minat, sikap dan motivasi murid untuk belajar. Menurut Fariz Danial (2020), faktor teknologi menjadi yang menjadi kekangan kepada PdP dalam talian tidak boleh dijadikan alasan kepada guru untuk lebih kreatif dan inovatif dalam menggunakan pelbagai akehad pengajaran dalam talian.

Sebagai rumusan, kajian ini mendapati bahawa PdP dalam talian telah meningkatkan sikap dan motivasi murid untuk belajar bahasa Melayu. Pembelajaran bahasa Melayu berbantuan aplikasi digital ini menarik minat, sikap dan motivasi murid untuk mempelajari bahasa Melayu secara dalam talian di rumah.

Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Murid Tahun 5 berdasarkan Faktor Sosioekonomi Keluarga

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sosioekonomi keluarga murid tidak mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu dalam talian murid tersebut. Tidak kira sama ada ada murid-murid ini dating daripada keluarga B40 (berpendapatan rendah, M40 (berpendapatan sederhana) ataupun T20 (berpendapatan tinggi), kesemuanya tidak mempengaruhi dan tidak memberi kesan kepada sikap dan motivasi murid Tahun 5 dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

Dapatan ini menyamai dengan kajian yang dijalankan oleh yang dijalankan oleh Khairul

Nizam dan Wan Muna Ruzanna (2017). Kebanyakan responden kajian mereka ialah murid-murid etnik Bajau. Keluarga mereka terdiri daripada keluarga B40 dan tinggal di luar bandar. Namun demikian, hasil kajian mereka mendapati bahawa murid-murid etnik Bajau B40 ini mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, dapatan ini bertentangan dengan kajian Rohaida et al. (2020) yang mengkaji murid-murid B40 yang tidak tahu membaca dan menulis bahasa Melayu. Hasil kajian mereka mendapati bahawa murid-murid B40, terutamanya murid etnik Cina mempunyai sikap negatif terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Murid etnik Cina juga mempunyai motivasi yang rendah dalam mempelajari bahasa Melayu. Kajian Losius et al. (2020) mendapati murid-murid daripada keluarga B40 menghadapi masalah pembelajaran dalam talian, terutamanya yang berkaitan dengan capaian Internet. Kajian Asan Ali et al. (2020) mendapati murid-murid Orang Asli menghadapi masalah pembelajaran dalam talian, terutamanya kesukaran mereka untuk mengakses Internet dan ketiadaan peranti digital yang sesuai untuk proses pembelajaran dalam talian.

Sebagai rumusan, pembelajaran bahasa Melayu dalam talian tidak dipengaruhi oleh latar belakang sosioekonomi murid. Dalam kajian ini, murid-murid Tahun 5 daripada keluarga B40, M40 dan T20 mempelajari bahasa Melayu seperti biasa. Tidak ada jurang sosioekonomi yang menghalang mereka untuk belajar bahasa Melayu secara dalam talian. Mereka bersikap positif dan bermotivasi tinggi apabila belajar bahasa Melayu secara dalam talian. Kebanyakan yang menjadi masalah kepada murid-murid keluarga B40, M40 dan T20 ialah masalah capaian Internet yang kurang memuaskan.

Perbezaan Jantina Murid Mengikut Faktor Sosioekonomi Keluarga dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian

Kajian menunjukkan bahawa faktor jantina murid tidak mempengaruhi sikap dan motivasi murid sekolah rendah dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam talian. Pelaksanaan PKP dan PdP secara dalam talian bagi murid lelaki dan perempuan daripada keluarga B40, M40 dan T20 dalam pembelajaran bahasa Melayu sama sahaja.

Murid lelaki dan perempuan mempunyai sikap positif dan motivasi yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian. Dapatan ini selari dengan kajian Siti Masayu Rosliah dan Narimah (2018) yang mendapati faktor kemiskinan antara punca utama berlakunya masalah keciciran dalam aspek pendidikan. Langkah PKP kerana faktor penularan pandemik Covid-19 sedikit sebanyak memberi kesan langsung kepada murid, terutamanya murid-murid yang datang daripada keluarga miskin, berpendapatan rendah dan B40.

Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Khairul Nizam dan Wan Muna Ruzanna (2017) yang mendapati murid perempuan menunjukkan sikap yang lebih positif dan motivasi yang lebih tinggi berbanding murid lelaki dalam pembelajaran bahasa Melayu. Murid perempuan dan lelaki dalam kajian ini berasal daripada keluarga B40 etnik Bajau.

Sebagai rumusan, PdP secara dalam talian tidak mempengaruhi sikap dan motivasi murid berdasarkan faktor jantina. Murid lelaki dan perempuan sama sahaja sikap dan motivasi mereka belajar bahasa Melayu secara dalam talian. Faktor sosioekonomi keluarga murid lelaki dan perempuan juga tidak mempengaruhi sikap dan motivasi murid lelaki dan perempuan, sama ada mereka daripada keluarga B40, M40 ataupun T20.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian sepanjang tempoh PKP) adalah sangat positif. Namun begitu, terdapat beberapa item yang berkaitan dengan kekangan capaian Internet menyebabkan sikap dan motivasi murid berada dalam keadaan sederhana, tetapi masih berada dalam keadaan positif. Justeru, guru-guru bahasa Melayu perlu mengambil langkah proaktif bagi memastikan proses pembelajaran dalam talian berjalan dengan baik dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Pelaksanaan PdP dalam talian merupakan satu cabaran untuk guru-guru dalam memenuhi tugas sebagai pendidik sepanjang PKP. Ramai guru berusaha menambah kemahiran bagi memastikan isi pengajaran sampai kepada murid-murid walaupun menghadapi pelbagai kekangan. Oleh

itu, terdapat beberapa cadangan pelaksanaan pembelajaran dalam talian yang boleh dipraktikkan agar setiap kelemahan sekurang-kurangnya dapat diminimumkan.

Antaranya ialah guru bahasa Melayu perlu mengenal pasti tahap kebolehpasaran Internet bagi setiap murid bagi membolehkan guru menentukan kaedah bersesuaian agar pembelajaran dalam talian dapat dijalankan dengan baik. Terdapat pelbagai platform yang boleh digunakan seperti aplikasi *whatsapp*, *telegram*, *instagram* mahupun *google meet*. Pemilihan platform bersesuaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting bagi mengelakkan berlakunya *lag* atau *screen freeze* yang boleh mengganggu tumpuan murid.

Bagi memastikan sikap dan motivasi murid sentiasa berada dalam keadaan positif, guru perlu bijak menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang bersesuaian. Pandemik Covid-19 memberikan impak yang sangat besar kepada orang ramai terutamanya murid-murid sekolah kerana mereka tidak mahir dalam menguruskan emosi dengan baik. Oleh itu, guru boleh menerapkan nilai-nilai murni serta unsur kecondan bagi menarik perhatian murid sepanjang proses PdPr berlangsung. Langkah ini secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi murid-murid untuk terus kekal belajar secara dalam talian. Pemberian ganjaran dan pujian juga merupakan salah cara yang boleh digunakan oleh guru.

Peranan dan komitmen ibu bapa dalam memastikan pembelajaran dalam talian berjalan dengan lancar adalah amat penting. Ibu bapa boleh menyediakan gajet yang bersesuaian dan kemudahan Internet yang lancar agar anak-anak berasa selesa sepanjang pelaksanaan pembelajaran dalam talian. Pihak kerajaan dan agensi berkaitan juga perlu memainkan peranan membantu menyediakan kemudahan yang lengkap untuk tujuan pembelajaran terutamanya dalam kalangan murid keluarga B40.

Kesimpulannya, penularan wabak Covid-19 perlu dilihat secara positif oleh guru-guru bahasa Melayu yang mana mereka perlu berusaha untuk menjadi lebih kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran. Guru-guru bahasa Melayu perlu berani untuk berubah dengan meningkatkan keupayaan mereka untuk mendidik seiring dengan kemajuan teknologi.

RUJUKAN

- Aida Shuhaida Mustafa & Rohizani Yaakub. (2020). An experimental approach by using whatsapp for teaching and learning of bahasa Melayu to international students at engineering campus, due to pandemic Covid-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, Edisi Khas: 1-9.
- Anuar Ahmad. (2020). PKP: e-Pembelajaran tidak segerak sesuai di luar bandar, pedalaman. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677952/pkp-e-pembelajaran-tidak-segerak-sesuai-di-luar-bandar-pedalaman/> (Diakses pada 08 Februari 2021).
- Asan Ali Golam Hassan, Nanthakumar Loganathan, Maznieda Mahjom, Nor Asiah Muhamad, Aminuddin Mohamed & Johari Alwi. (2020). Impak Covid-19 ke atas status sosioekonomi dan kesihatan masyarakat Orang Asli. *Laporan Teknikal Penyelidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bani Hidayat Mohd Shafie. (2020). Pelaksanaan PdPc dalam Talian (OLL) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 dan 2 Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 213-221
- Briannur Dwi, Aisyah Amelia, Uswatun Hasanah, Abdy Mahesha Putra & Hidayatur Rahman. (2020). Analisis keefektifan pembelajaran online di masa pandemik Covid-19. *Mahaguru: Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 28-37.
- Buja, A., Paganini, M., Cocchio, S., Scioni, M., Rebba, V. & Baldo V. (2020) Demographic and socio-economic factors, and healthcare resource indicators associated with the rapid spread of COVID-19 in Northern Italy: An ecological study. *PLoS ONE* 15(12): e0244535.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Likert. Edisi Ke-3*. Selangor: McGraw Hill Education.
- Faris Danial Razi. (2020). PKP: Teknologi Jadi Kekangan Kerja dan Pembelajaran di Rumah, tetapi Ada 'Jalan' Lain. *Berita Astro Awani*. 13 April. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-teknologi-jadi-kekangan-kerja-dan-pembelajaran-di-rumah-tetapi-ada-jalan-lain-238178>

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Surat siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Penularan Jangkitan Covid-19 bertarikh 27 Mac 2020*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Maohammad. (2017). Sikap dan motivasi murid Bajau dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1): 24-33.
- Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny & Nazarius G. Yulip. (2020). *Cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh semasa Perintah Kawalan Pergerakan*. Pejabat Pendidikan Daerah Ranau. Sabah. 6 Mei.
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. (2020). Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19. *Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan*, 404-410.
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian sendiri pembelajaran geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning Instruction*, 14 (1): 211-265.
- Mohd Radzi Jidin. (2020). Belajar dalam talian kurang berkesan berbanding bersemuka. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/595525/belajar-dalam-talian-kurang-berkesan-berbanding-bersemuka-metrotv>. (Diakses pada 08 Februari 2021).
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng. (2020). *Adaptasi pengajaran dan pembelajaran secara maya dalam kebiasaan baharu semasa pandemik Covid-19*. Shah Alam: SIG:e-Learning@CS.
- Rohaida Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd. Rahman & Zamri Mahamod. (2020). Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2): 54-73.
- Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman, Suhana Mohamed Lip, Norshilawani Shahisdan, Natasha Ariffin, Mohamas Fuad Ishal & Sapie Sabilan. (2020). Tekanan emosi pensyarah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran atas talian di era pandemik Covid-19. *Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (ISPEN)*. 289-296.
- Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat. (2020). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>. (6 Januari 2021)
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 13 (2): 11-23.
- Siti Norbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran talian melalui pendekatan Home based Learning semasa pandemik Covid-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, Edisi Khas, 46-57.
- Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah. (2015). Tahap penggunaan web 2.0 dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 5 (2): 38-48.
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. 2020. COVID-19: Impak dalam pengajaran dan pembelajaran. Dlm. Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (Pnyt.) *Sistem Pendidikan di Malaysia: Sejarah dan Cabaran Abad Ke-21*, 449-486. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zarinah Arshat, Farah Syuhada Pai & Zanariah Ismail. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan Kekuatan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 10 (1): 91-102.